

**NOTIS SEBUTHARGA
(TAWARAN TERBUKA)**

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal pakaian seragam dengan pendaftaran masing-masing **yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga bagi pembekalan berikut:-**

No Kontrak	Tajuk Sebutharga	Pendaftaran	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
QUO/CA/51/19(PS)	PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM BESERTA AKSESORI UNTUK PENGAWAL KESELAMATAN SYARIKAT BAGI TAHUN 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) – KKM 020801(Pakaian) atau 020802 (Kelengkapan Pakaian) atau 020804 (Pakaian keselamatan, Kelengkapan & Aksesori) atau 222401 (Menjahit Pakaian & Kelengkapan) dan • Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan @ Korporat dan • Mempunyai Pengalaman Berkaitan Pembekalan Pakaian Seragam Beserta Aksesori untuk Pengawal Keselamatan Syarikat. 	12/11/2019

Dokumen Sebutharga hanya akan **dijual** mulai 24.10.2019 pada waktu pejabat di Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn.Bhd., L4, ICT, Phase 1B, Tingkat 4, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang. Harga setiap naskah ialah **RM30.00** dan bayaran harus dibuat dalam bentuk wang tunai atau bank deraf atas nama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Bayaran untuk setiap dokumen sebutharga ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen sebut harga akan dijual kepada wakil pembekal yang sah. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah membawa **Surat Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan, Sijil Asal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Pemilik Masa Kini, Salinan Surat Setujuterima dan Salinan Sijil Perakuan Siap Kerja** serta **satu salinan fotostatnya** untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd.

Sebutharga akan ditutup **pada 12.11.2019, sebelum jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan di alamatkan kepada:-

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD
L4, ICT, PHASE 1B, LEVEL 4, KOMTAR
10000 PULAU PINANG**

dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd, Tingkat 4, KOMTAR, Pulau Pinang.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF